

**LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR**

**JABATAN PERDAGANGAN**

**DPB50163 - BUSINESS PROJECT**

**DIB 5A (GROUP 3A)**

**TAJUK** : APLIKASI PSP E-FUND

**NAMA PENSYARAH KURSUS** : DR. NOR HASNI BINTI HARON

**SESI** : 1/2022/2023

<b>NO.</b>	<b>NAMA PELAJAR</b>	<b>NO. PENDAFTARAN</b>
1.	AMIR FAWZAN BIN AHMAD FARIS	10DIB20F1034
2.	KHAIRUL NUR ARIFAH BINTI KHAIRUL ARIFFIN	10DIB20F1038
3.	IFFAH NUUR NISSA BINTI SA'ABAN HAFIZHI	10DIB20F1006
4.	NURUL HUSNA BINTI MOHAMAD ADNAN	10DIB20F1015
5.	NURUL BASIRAH BINTI OTHMAN SHAHRUDIN	10DIB20F1019

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	5
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	6
PERAKUAN PELAJAR	7
ABSTRAK	8
PENGHARGAAN	9
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	
1.1 PENDAHULUAN	10
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	11 - 14
1.3 PERNYATAAN MASALAH	15 - 17
1.4 OBJEKTIF PROJEK	18
1.5 JUSTIFIKASI PROJEK	19
1.6 SKOP KAJIAN	20
1.7 ANALISIS SWOT	21

## **BAB 2 : KAJIAN LAPANGAN**

2.1 PENDAHULUAN	22
2.2 KAJIAN TERDAHULU/ULASAN/SIASATAN	22 - 23
2.3 KAJIAN LAPANGAN	24 - 26
2.4 RUMUSAN	27

## **BAB 3 : METODOLOGI/REKABENTUK**

3.1 PENDAHULUAN	28
3.2 REKA BENTUK PROJEK	29
3.2.1 KAEDAH PENGHASILAN PROJEK	30 - 36
3.2.2 BAHAN DAN PERALATAN	37
3.2.3 KAEDAH ANALISIS DATA	38
3.3 RUMUSAN	39

## **BAB 4 : DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1 PENDAHULUAN	40
4.2 DAPATAN KAJIAN	40
4.2.1 DAPATAN KAJIAN PERINGKAT PERTAMA	41
4.2.2 DAPATAN KAJIAN PERINGKAT KEDUA	41
4.2.3 DAPATAN KAJIAN KEBERKESANAN APLIKASI PSP E-FUND	42 - 45

4.3 PERBINCANGAN (Kelebihan, Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi  
Ketika Membangunkan Produk) 46 - 47

4.4 RUMUSAN 48

## **BAB 5 : KESIMPULAN**

5.1 PENDAHULUAN 49

5.2 KESIMPULAN 49 - 50

5.3 CADANGAN 51 - 53

5.4 LIMITASI PROJEK 54

5.5 RUMUSAN 55

RUJUKAN 56 - 57

LAMPIRAN 58

## PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 *Business Project***, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan. Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

## **PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR**

Laporan projek ini yang bertajuk '*APLIKASI PSP E-FUND*' telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan

Disemak oleh:

Nama Penyelia: PUAN / ENCIK / DR.

Tandatangan Penyelia:

Tarikh:

Nama Penyelia Bersama:

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh:

Disahkan oleh:

Nama Penyelaras:

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh:

## PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : 


Nama: AMIR FAWZAN BIN AHMAD FARIS

No. Pendaftaran: 10DIB20F1034

2. Tandatangan : 


Nama: KHAIRUL NUR ARIFAH BINTI KHAIRUL ARIFFIN

No. Pendaftaran: 10DIB20F1038

3. Tandatangan : 


Nama: IFFAH NUUR NISSA BINTI SA'ABAN HAFIZHI

No. Pendaftaran: 10DIB20F1006

4. Tandatangan : 

Nama: NURUL HUSNA BINTI MOHAMAD ADNAN

No. Pendaftaran: 10DIB20F1015

5. Tandatangan : 

Nama: NURUL BASIRAH BINTI OTHMAN SHAHRUDIN

No. Pendaftaran: 10DIB20F1019

## ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji masalah yang telah dihadapi oleh pelajar IPT. Politeknik Seberang Perai menjadi pusat tumpuan pengkaji untuk menjalankan kajian yang dihadapi oleh pelajar. Masalah yang sering dihadapi terhadap pelajar IPT adalah masalah kewangan seperti perbelanjaan harian sehingga mahasiswa cenderung untuk bekerja kerana untuk mendapatkan duit. Selain itu, ia dapat mengganggu masa pembelajaran pelajar serta boleh menimbulkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai. Tambahan pula, pada zaman serba moden ini, kos perbelanjaan semakin meningkat dari semasa ke semasa dan telah menyebabkan pelajar-pelajar cepat kekurangan wang simpanan atau perbelanjaan mereka. Kebanyakan masalah kewangan ini adalah dari pelajar yang lahir dalam golongan B40, anak yatim piatu dan juga yang tergolong dalam golongan asnaf. Maka, mereka malu dan segan untuk tampil ke hadapan memohon bantuan dan mereka juga rasa tidak selesa apabila maklumat peribadi mereka terdedah kepada pihak yang lain. Hal ini demikian, pihak pengkaji telah berganding bahu dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Zakat Pulau Pinang serta pihak-pihak yang terlibat untuk membantu pelajar yang datang daripada golongan-golongan ini mendapatkan bantuan yang disediakan. Oleh itu, pihak pengkaji mencadangkan untuk membina satu aplikasi untuk mengumpul data oleh HEP yang diberi nama “PSP E-FUND” bagi memudahkan pelajar untuk memohon bantuan secara persendirian, yakin dan lebih selesa. Kesimpulannya, dengan membina aplikasi PSP E-Fund ini, masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar Politeknik Seberang Perai dapat dikurangkan.



## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project** yang bertajuk **PSP E-FUND** di Politeknik Seberang Perai, bagi Sesi 1 2022/2023.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek kami Dr. Nor Hasni binti Haron, penyelia bersama Dr. Nor Hasni binti Haron, pihak berkolaborasi iaitu Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Zakat Pulau Pinang, ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project, PSP E-FUND** di Politeknik Seberang Perai, bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2022/2023.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan membincangkan isi kandungan berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, Justifikasi kajian, dan Skop kajian serta dalam bab ini juga membincangkan tentang cadangan penghasilan produk inovasi kajian iaitu aplikasi “PSP E-FUND” yang akan dijalankan di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.

Secara umumnya, projek ini dijalankan bertujuan untuk membantu pelajar IPT yang mempunyai masalah kewangan iaitu terdiri daripada keluarga yang susah dan anak yatim piatu ataupun daripada golongan B40 yang tidak tahu cara memohon ataupun malu untuk membuat permohonan bantuan secara langsung atau bersemuka. Oleh itu, sistem aplikasi yang akan dibangunkan hasil daripada kajian yang dilakukan ini diharap dapat memberi sumbangan yang amat besar dalam membantu mahasiswa yang memerlukan bantuan kewangan untuk memohon.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Geraldine Tong May Yean (2019), pelajar IPT yang menghadapi masalah kewangan terpaksa makan sekali sehari, atau membuat kerja sambilan untuk menyara kehidupan. Oleh itu, kebanyakannya mengambil langkah untuk membuat kerja sambilan seperti berniaga ataupun bekerja di kedai atau kilang dan sebagainya. Walaupun kerja sambilan membantu mahasiswa untuk mendapatkan wang saku lebih, tetapi mahasiswa ini secara tidak langsung turut berhadapan dengan risiko seperti tidak dapat memberi tumpuan dalam pembelajaran kerana letih bekerja serta tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan di IPTA. Bagi meringankan beban mahasiswa IPTA, kerajaan juga memberi beberapa jenis sumbangan kepada pelajar yang berkeperluan. Namun menurut pernyataan daripada kerajaan masih ada mahasiswa ataupun pelajar yang tercicir makluman daripada pihak kementerian yang menyebabkan bantuan tidak kesampaian. Oleh yang demikian, senario ini akan sering terjadi sekiranya mahasiswa sendiri yang berdiam diri atau berasa malu untuk memohon walaupun mereka melengkapkan syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk mereka menerimanya. (YB Dato' Seri Idris Jusoh, 2016)



Rajah 1.1 : Bantuan Zakat Yang Dilaksanakan Oleh Zakat Pulau Pinang

Daripada penerangan diatas, pihak pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) akan sentiasa memantau tentang masalah-masalah pelajar dari segi kewangan dalam masa yang sama memainkan peranan yang penting dalam mengumpulkan dan memastikan rekod dan data pelajar adalah tepat serta disenggara dengan sempurna untuk kegunaan pihak yang menyalurkan bantuan. Oleh itu, tahap persepsi serta keyakinan pelajar terhadap kewujudan serta peranan yang dimainkan oleh HEP di IPT amat memberangsangkan. Namun, bak kata pepatah “jika baik ada celanya” iaitu bermaksud tidak ada sesuatu perkara yang benar-benar sempurna. Ini kerana pihak JHEP akan mempunyai beberapa masalah juga dalam mengumpulkan data terkini pelajar yang menyebabkan saluran bantuan juga mengalami masalah yang sama.

Saluran bantuan yang dimaksudkan diatas adalah bantuan daripada pihak zakat yang bukan sahaja ditawarkan di IPTA malah ditawarkan kepada peringkat kerajaan negeri yang diuruskan di setiap negeri. Institusi zakat memainkan peranan besar dalam memberi bantuan kewangan kepada pelajar di institusi pengajian tinggi. Peranan institusi zakat ini semakin penting terutamanya semasa wabak Covid-19 yang banyak menjejaskan pendapatan orang ramai. Pelbagai bentuk bantuan pendidikan diwujudkan dengan menawarkan biasiswa, dermasiswa dan lain-lain bantuan kewangan tambahan menggunakan dana zakat.

Menurut Mazhab Hanafi, zakat membawa maksud mengeluarkan sebahagian dari harta tertentu untuk diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya apabila telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sebagai salah satu rukun Islam, zakat ditunaikan untuk diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya (asnaf). Zakat sendiri berasal dari bentuk kata "zakat" yang berarti suci, baik, berkah, tumbuh, dan berkembang. Dinamakan zakat, kerana di dalamnya terkandung harapan untuk memperoleh berkah, membersihkan jiwa dan memupuknya dengan berbagai kebaikan. Terdapat 2 jenis zakat di Malaysia, iaitu zakat fitrah dan zakat harta.

Dana zakat yang dikumpul oleh pusat zakat negeri-negeri akan diagihkan kepada golongan-golongan asnaf yang telah dinyatakan di dalam Al Quran untuk menerimanya. Antara ayat al-Quran yang menjadi paksi perbincangan berkaitan golongan-golongan asnaf ialah ayat al-Quran dalam surah At-Taubah iaitu fiman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sungguh zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, orang yang dilunakkan hatinya (muallaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk jalan Allah, dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajiban dari Allah. Allah maha mengetahui, maha bijaksana.”* (Surah At-Taubah 9:60)

9 = Surah ke 9

60 = ayat ke 60

Terdapat 8 golongan yang dinyatakan di dalam Al-Quran (Surah At-Taubah 9:60) iaitu fakir (al-Fuqara), miskin (al-Masakin), amil, muallaf, riqab (seseorang yang terbelenggu tanpa kebebasan), gharimin (penghutang muslim), fisabilillah (orang yang berjuang kerana Allah) dan Ibnus sabil (musafir). Antara golongan yang layak untuk diterima zakat adalah golongan-golongan pelajar yang bermasalah dan menghadapi masalah kewangan di IPTA.



Rajah 1.2 : Majlis Penyerahan Bantuan Zakat Kepada Mahasiswa IPTA

Dalam pada itu, terdapat juga komentar daripada seorang responden yang menyatakan bahawa beliau merasa agak keberatan dan malu untuk berkunjung ke Kaunter Zakat kerana dikhuatiri akan di fitnah oleh rakan dan menjatuhkan maruah dirinya. (Muhammad Rizal Bin Jalil, 2017) Oleh hal yang demikian, pihak pengkaji bercadang ingin mewujudkan sebuah aplikasi yang boleh membantu mahasiswa memohon bantuan dengan lebih selesa, mudah dan tidak terganggu dengan perasaan malu. Bantuan yang diterima oleh mahasiswa juga dapat membantu meringankan beban ibu bapa atau penjaga. Akhir sekali, ini merupakan salah satu kaedah atau cara yang dapat diinovasikan kepada pelajar untuk memohon bantuan di IPTA.

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kesempitan kewangan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dapat menimbulkan masalah besar dari segi kos sara hidup. Permasalahan ini bukanlah isu yang baru bagi pelajar IPT yang tergolong B40. Terdapat ramai pelajar IPT yang tidak berkemampuan tahu berkenaan dengan bantuan yang disediakan oleh pihak yang terlibat. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti pelajar yang layak menerima sumbangan. Disamping itu, kajian ini dapat membantu menghebahkan kepada pelajar berkaitan dengan bantuan yang diperuntukan oleh pihak tertentu bagi membantu pelajar yang tergolong asnaf atau B40.

Kos perbelanjaan akademik seperti buku rujukan dan yuran pengajian merupakan salah satu belanja yang harus dikeluarkan oleh setiap mahasiswa bagi memudahkan urusan pengajian. Kekangan kewangan lebih dirasai apabila terdapat mahasiswa yang tinggal di luar kampus dimana mereka terpaksa membayar kos lain seperti sewa rumah, kos kenderaan untuk ke kampus, bil air dan sebagainya dalam jumlah yang agak besar. Maka, sudah pasti kos perbelanjaan harian semakin meningkat kerana banyak perkara yang perlu dibayar dan ditanggung oleh pelajar yang menginap di luar kampus.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) turut mengalami permasalahan dalam mengenalpasti pelajar golongan asnaf yang berhak untuk menerima bantuan zakat. Sepertimana yang kita sedia maklum, sebelum ini kaedah yang digunakan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar ( JHEP) mencari mahasiswa asnaf adalah hanya melalui SPMP sahaja. Senarai data-data yang dipamerkan di SPMP adalah data yang tidak dikemaskini oleh pelajar. Maka ini akan menyukarkan pihak JHEP untuk menapis pelajar yang dapat menerima bantuan zakat. Selain itu, JHEP yang perlu mencari mahasiswa sedangkan bantuan telah tersedia ada. Pelbagai bantuan telah lama wujud melalui HEP setiap Universiti. Tapi ramai tak merujuk kepada saluran yang betul. ( Kementerian Pengajian Tinggi, 2016). Pernyataan ini membuktikan bahwa segolongan mahasiswa tidak tahu berkaitan bantuan yang di sedia oleh pihak yang tertentu untuk pelajar yang tergolong asnaf.



Rajah 1,5 Bantuan Awal IPT



Rajah 1.6 Bantuan Permulaan Ke IPT Zakat Pulau Pinang

Menurut pemerhatian kami , ramai pelajar yang berkategori layak menerima zakat ini tidak memohon bantuan. Ini kerana, mereka tidak tahu kaedah dan proses bagi memohon bantuan dan kurang pengetahuan terhadap bantuan yang disediakan oleh pihak zakat. Selain itu, ada juga diantara kalangan mahasiswa baharu yang tidak mengetahui kewujudan bantuan awal IPT. Oleh hal yang demikian, masalah ini tidak boleh diambil mudah kerana mahasiswa PSP yang mengalami masalah kewangan ini boleh terlibat dengan masalah-masalah lain jika tidak diselesaikan dengan sewajarnya.



Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) ini adalah satu unit yang berfungsi untuk menguruskan pengambilan pelajar baharu, data mahasiswa dan menguruskan kebajikan serta disiplin pelajar. Selain itu, pihak HEP mempunyai segala maklumat peribadi mahasiswa dan mahasiswi PSP termasuk maklumat gaji atau pendapatan ibu bapa mereka. Maklumat- maklumat ini dapat membantu pihak JHEP untuk mengenal pasti mahasiswa yang memerlukan bantuan kewangan. Tetapi cara ini bukannya satu kaedah yang berkesan untuk mengenal pasti mahasiswa yang memerlukan bantuan kewangan . Hasil temubual bersama pegawai HEP, setakat kini masih belum ada proses atau saluran yang disediakan oleh pihak HEP dalam menjejaki pelajar yang bermasalah dalam kewangan.

Natijahnya pernyataan masalah di atas, tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti masalah bagi menjejaki mahasiswa bermasalah dalam segi kewangan. Selain itu, hasil daripada kajian yang dilakukan, satu produk baharu berbentuk smart aplikasi akan dibangunkan sebagai salah satu jalan kepada pelajar untuk mendapatkan bantuan zakat dan lain-lain bantuan yang telah diperuntukkan oleh pihak PSP kepada mahasiswa

## **1.4 OBJEKTIF PROJEK**

### **a) Objektif Am**

Projek ini dijalankan untuk mencadangkan satu aplikasi bagi mengumpul maklumat dan data terkini pelajar asnaf yang lebih sistematik dan berkesan di Politeknik Seberang Perai.

### **b) Objektif Spesifik Projek**

Objektif spesifik adalah seperti berikut:

- 1) Membangunkan satu aplikasi PSP E-FUND yang dapat membantu pelajar asnaf memohon bantuan dan membantu pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) mendapatkan maklumat pelajar asnaf.
  
- 2) Mengenal pasti keberkesanan aplikasi terhadap permohonan dan penyimpanan data pelajar.

## 1.5 JUSTIFIKASI PROJEK

Projek ini tertumpu kepada pelajar terutamanya golongan asnaf dan susah Politeknik Seberang Perai yang mengalami masalah kewangan serta malu untuk memohon bantuan secara terus kepada pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). Hal ini perlu ditangani dengan segera kerana masalah kewangan secara tidak langsung akan memberi impak negatif kepada pelajar ini terutamanya dalam meneruskan pengajian. Justeru itu, pihak kami mencadangkan untuk membangunkan satu aplikasi PSP E-Fund untuk mengenal pasti pelajar ini untuk memohon bantuan kewangan. Pihak kami mencadangkan untuk merealisasikan satu aplikasi yang telah di inovasi bagi memudahkan urusan pelajar ini bagi memohon bantuan kewangan secara persendirian dan secara tidak langsung membantu pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Seberang Perai untuk mengesan dan menyalurkan bantuan kepada pelajar yang memerlukan. Aplikasi ini bertujuan untuk memberi keyakinan kepada pelajar yang berkenaan untuk memohon bantuan dan secara tidak langsung dapat menjimatkan masa dan lebih mudah kepada pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk menyalurkan bantuan kepada pelajar. Antara tujuan utama projek ini adalah untuk menyelesaikan masalah pelajar yang susah dan asnaf untuk membuat permohonan bantuan kewangan yang dialami dengan lebih cepat dan lebih sistematik.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Skop kajian projek ini tertumpu khusus kepada mahasiswa Politeknik Seberang Perai yang terdiri daripada keluarga yang susah atau anak yatim piatu. Tujuan projek ini adalah untuk membolehkan pelajar membuat pemohonan bantuan secara persendirian serta lebih yakin dan secara tidak langsung dapat membantu pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Seberang Perai mengesan dan menyalurkan bantuan kepada mahasiswa yang memerlukan. Hal ini kerana, ramai di antara mahasiswa yang memerlukan bantuan merasa segan dan malu untuk memohon bantuan secara terus kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Kemudahan yang lengkap perlu disediakan bagi memudahkan pelajar dan pihak yang terlibat untuk menyalurkan bantuan dapat dilaksanakan dengan cepat dan mudah.

## 1.7 ANALISIS SWOT

Kajian ini dijalankan untuk mendapat keputusan yang lebih kukuh, instrument analisis SWOT digunakan oleh pihak pengkaji untuk menambah baik maklumat yang telah diperolehi. *Strengths*, *Weakness*, *Opportunities* dan *Threats*. Pihak pengkaji dapat mengkaji dengan lebih tepat berdasarkan maklumat yang diperolehi dengan menggunakan instrumen analisis SWOT ini. Antara tools yang digunakan adalah SWOT yang merupakan singkatan dari *Strengths(S)*, *Weakness(W)*, *Opportunities(O)*, dan *Threats(T)*. Seterusnya, sejak sekian lama instrumen ini telah digunakan bagi membantu sesebuah organisasi dalam membuat keputusan dan tindakan. Analisa terhadap keperluan aplikasi ini dijalankan menunjukkan keputusan yang positif kepada mahasiswa PSP. Hal ini kerana mereka menyatakan bahawa mereka tidak tahu tentang bantuan yang ditawarkan.

<b>KEKUATAN (<i>STRENGTH</i>)</b>	<b>KELEMAHAN (<i>WEAKNESS</i>)</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>-Dapat melindungi data peribadi pelajar</li> <li>-Membuka peluang kepada pelajar untuk memohon</li> <li>-Unit HEP mudah untuk menganalisis/menapis pelajar untuk diberikan bantuan dari pusat zakat</li> <li>-Menjimatkan masa JHEP untuk mendapatkan maklumat terkini pelajar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Kos yang tinggi untuk menyediakan aplikasi PSP E-Fund</li> <li>-Memerlukan ruang memori yang besar untuk membuat turun aplikasi ini.</li> </ul>
<b>PELUANG (<i>OPPORTUNITIES</i>)</b>	<b>ANCAMAN (<i>THREATS</i>)</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>-Menepati kehendak teknologi terkini</li> <li>-Menambah hasil pendapatan</li> <li>-Meluaskan pasaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Masalah cyber</li> <li>-Kebocoran data</li> </ul>

## **BAB 2**

### **KAJIAN LAPANGAN**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Bab ini bertujuan membincangkan berkaitan kajian dan karya terdahulu yang mempunyai persamaan dengan topik kajian ini, iaitu aplikasi ini yang memudahkan urusan mahasiswa untuk memohon dan mendapatkan bantuan dan secara tidak langsung dapat membantu pengurusan pihak institusi untuk mengesan dan menyalurkan bantuan kepada mahasiswa yang memerlukan. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian

#### **2.2 KAJIAN TERDAHULU**

##### **2.2.1 KEPERLUAN APLIKASI**

Menurut Sanchez dan Mew (2009), Meadows dan Jerrett (2008) dan Haythornthwaite dan Kazmer (2004) penggunaan aplikasi penting pada masa kini kerana aplikasi mudah alih merupakan pembangunan perisian yang membolehkan penglibatan massa dalam sesuatu aktiviti sosial dan kolektif. Aplikasi mudah alih dibangunkan menggunakan alat pengarang *Adobe Flash CS6 Platform* Android yang mempunyai lima fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian. Dengan adanya aplikasi permohonan bantuan kewangan ini, akan lebih memudahkan mahasiswa untuk memohon pelbagai bantuan kewangan. Selain itu, penggunaan aplikasi ini juga dapat menjimatkan masa mahasiswa untuk berjumpa dengan mana-mana pihak untuk memohon bantuan kewangan. Manfaat penting apabila memiliki aplikasi mudah alih ini bukan sahaja memudahkan mahasiswa, malah memudahkan pihak JHEP, Zakat Pulau Pinang dan pihak bantuan yang lain untuk mendapatkan data mahasiswa yang memerlukan bantuan kewangan yang terkini.

Di samping itu, dalam artikel berita Astro Awani menunjukkan RM30,000 telah berjaya dikumpulkan untuk membantu pelajar B40 yang memerlukan daripada Projek Khas Geran Adiguru. Dalam artikel tersebut Pengarah Urusan Untuk Malaysia, Zul Fikri Zamir, berkata, mereka menubuhkan beberapa aplikasi mudah alih kepada pelajar untuk memohon bantuan serta memudahkan guru untuk mencari pelajar yang betul-betul memerlukan. Antara bantuan yang mereka telah cadangkan adalah alat pembelajaran seperti tablet dan telefon pintar bagi memudahkan pelajar belajar pada waktu PdPR secara atas talian ataupun bersemuka.

## **2.3 KAJIAN LAPANGAN- KAEDAH TEMU BUAL**

Menurut Chua Yan Piaw (2014) Temu bual dikategori kepada tiga jenis, iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur. Kaedah temubual atau dikenali juga sebagai soalan selidik merupakan satu keadah yang diguna pakai untuk mendapat dengan berinteraksi diantara dua pihak iaitu pihak responden dan juga pihak pengkaji untuk mendapat maklumat maklumat secara langsung yang tepat dan benar daripada pihak responden mengenai kajian kajian dan bagi menjalankan aplikasi ini. Menurut Chua Yan Piaw (2014) Temu bual dikategori kepada tiga jenis, iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur (Chua Yan Piaw).

### **i) Temu Bual secara tidak berstruktur**

Temu bual melibatkan perbualan tidak berstruktur yang melibatkan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dan beberapa mahasiswa Politeknik Seberang Perai. Temu bual tidak berstruktur adalah kami menemu bual pihak JHEP iaitu Encik Mohamad Helmi untuk menanyakan tentang data-data mahasiswa yang terdiri daripada ahli keluarga yang susah atau asnaf. Beliau menyatakan bahawa data-data tersebut tidak selalu dikemas kini oleh mahasiswa dan sukar dikesan sekiranya berlaku musibah seperti kematian ibu bapa mahasiswa. Beliau juga menyokong untuk kami membuat satu aplikasi bagi memudahkan mahasiswa mengisi dan menyalurkan bantuan kewangan tersebut bagi yang layak dengan lebih tersusun dan pantas. Selain itu juga, kami menemu bual beberapa mahasiswa politeknik bertanya berkenaan isu tersebut. Mereka menyetujui bahawa mereka sering kali tidak mengemas kini data mereka di SPMP kerana terlupa ataupun mengambil ringan akan hal tersebut.



## ii) Temu Bual secara berstruktur

.Bagi kajian ini kami telah menjalankan satu temubual secara berstruktur yang dimana di mana satu set soalan yang telah ditetapkan terlebih dahulu disediakan oleh pihak kami terlebih dahulu. Kaedah ini juga telah disokong oleh penasihat bagi kajian ini iaitu Dr Hasni. Pihak kami telah menemu bual wakil dari pejabat zakat untuk mengumpul maklumat maklumat yang berkaitan dari segi bantuan bantuan yang diperlukan bagi mewujudkan aplikasi PSP E-fund ini. Oleh ini, kami mendapat pelbagai maklumat yang penting dari pihak responden iaitu Encik Firdaus Yusof wakil dari pejabat zakat Pulau Pinang. Selain itu, pihak pengkaji mengambil pendekatan ini untuk melakukan sesi temubual secara maya Bersama Encik Firdaus Yusof wakil dari pejabat zakat Pulau Pinang melalui platform aplikasi *Google Meet*.

Antara soalan yang diajukan oleh pihak kami adalah seperti berikut:

1. Apakah syarat yang dikenakan kepada pelajar untuk memohon sebarang bantuan?
2. Apakah bentuk sumbangan yang selalu diagihkan kepada pelajar penerima zakat?
3. Adakah pihak zakat mempunyai masalah dalam mendapatkan dan mengklasifikasikan dalam kalangan pelajar yang asnaf?
4. Berapa lamakah tempoh untuk pemberian zakat?

Dalam sesi temubual Bersama responden dari pihak kami mengenai syarat yang dikenakan kepada pelajar untuk memohon sebarang bantuan. Encik Firdaus Yusof telah menerangkan syarat syarat yang perlu dikenakan dengan begitu jelas. Selain itu, dari pihak kami juga telah bertanya berkaitan dengan bentuk sumbangan sumbangan yang selalunya diagihkan kepada pelajar penerima zakat. Maklumat yang kami dapat dari Encik Firdaus bahawasanya sumbangan dan bantuan selalunya diagihkan secara dalam bentuk wang. Seterusnya, Encik Firdaus Yusof telah menjawab persoalan dari pihak kami iaitu adakah pihak zakat mempunyai masalah dalam mendapatkan dan mengklasifikasikan dalam kalangan pelajar yang asnaf? Encik Firdaus Yusof telah memberi maklumat bahawasanya semua pelajar layak dan berhak mendapat sumbangan dan bantuan dari pihak zakat oleh kerana berada dalam golongan fisabilillah. Akhir sekali, pihak kami telah menyoalkan tentang berapa lamakah tempoh yang diambil untuk pemberian zakat? Encik Firdaus Yusof telah menyatakan tempoh yang diambil untuk pemberian zakat iaitu selama 1-3 bulan. Hasil dari perbincangan dan temubual Bersama pihak zakat Pulau Pinang, pihak kami mendapat pelbagai maklumat dan informasi bagi mewujudkan aplikasi PSP E-Fund ini.



Gambar menunjukkan sesi menebual Encik Firdaus Yusof dari Pihak Pusat Zakat Pulau Pinang

## **2.4 RUMUSAN**

Daripada bab ini dapat dijelaskan bahawa kajian lapangan berdasarkan kajian terdahulu, kaedah temu bual dan keberkesanan soal selidik digunakan dalam membangunkan projek inovasi ini. Seterusnya, melalui soal selidik yang telah dilakukan dengan menggunakan 'Google Form', projek ini telah mendapat respon dan pendapat yang positif daripada orang ramai. Manakala dalam penggunaan kaedah temubual pula, didapati pihak JHEP mempunyai masalah untuk mendapatkan data terkini pelajar. Setelah dibincang bersama pihak JHEP, beliau menyokong idea projek inovasi kami dengan berpendapat bahawa projek ini mampu membawa solusi untuk masalah tersebut.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI/REKABENTUK**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Berdasarkan kamus dewan edisi keempat, metodologi bermaksud ilmu kaedah yang merangkumi prinsip-prinsip yang digunakan di dalam sesuatu kegiatan. Tujuan metodologi ini adalah untuk membantu memahami bagaimana kaedah aplikasi ini secara terperinci dan menyeluruh. Bab ini menceritakan dan menerangkan berkaitan kaedah kaedah penyelidikan yang terdapat dalam projek ini. Langkah yang ditunjuk dalam bab ini adalah menerangkan proses dan prosedur untuk menghasilkan aplikasi PSP e-fund ini yang mempunyai daya inovasi yang tersendiri. Berikutnya, seperti dinyatakan dalam bab ini, aplikasi PSP e-fund ini yang dijalankan oleh kami ini mempunyai rupa bentuk yang menarik. Dalam bab ini menerangkan dengan lebih mendalam terhadap penghasilan aplikasi PSP E-fund ini.


### **3.2 REKA BENTUK PROJEK**

Aplikasi permohonan bantuan kewangan mahasiswa ini merupakan satu penghasilan inovasi yang bertujuan untuk menaik taraf dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mahasiswa Politeknik Seberang Perai yang memerlukan sebarang bantuan kewangan daripada pelbagai pihak. Pembangunan Aplikasi PSP E-Fund ini akan menyelesaikan masalah dan kesukaran yang dihadapi oleh mahasiswa memohon bantuan dan dapat memudahkan serta memberi kerjasama dengan pihak yang akan memberikan sumbangan bantuan untuk mencari mahasiswa yang memerlukan Aplikasi ini juga, mudah digunakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja yang ada pencapaian internet. Aplikasi ini juga akan dinaik taraf kepada aplikasi tanpa menggunakan internet. Hal ini akan memudahkan lagi mahasiswa yang tinggal di kawasan pedalaman yang pencapaian internetnya perlahan. Kami memastikan reka bentuk aplikasi ini mudah digunakan oleh semua mahasiswa Politeknik Seberang Perai.

## 3.2.1 KAEDAH PENGHASILAN PROJEK

### Langkah 1



Langkah pertama adalah pihak pengkaji mendapatkan maklumat yang penting dan belajar kaedah-kaedah yang penting untuk membangunkan sebuah laman sesawang melalui pencarian kaedah pembangunan di *Udemy*.





Gambar rajah 1.1: Pencarian di Udemy tentang kaedah pembangunan aplikasi

## Langkah 2

Pihak pengkaji mencari *Android Studio* dan *Firebase* di Google dan muat turun versi terkini



Gambar rajah 1.2: Muat turun *Android Studio*




Gambar rajah 1.3: Muat turun *Firebase*



### Langkah 3

Langkah ketiga adalah pihak pengkaji melakukan pengekodan menggunakan bahasa pengekodan (*Flutter*) dalam *Android Studio* untuk membina aplikasi ini dan komputer riba digunakan untuk melaksanakan langkah ini.



```
import 'package:flutter/foundation.dart';
import 'package:flutter/material.dart';
import 'package:flutter_hooks/flutter_hooks.dart';
import 'package:google_fonts/google_fonts.dart';
import 'package:hooks_riverpod/hooks_riverpod.dart';
import 'package:sign_button/sign_button.dart';



import '../components.dart';
import '../view_model.dart';

class LoginViewMobile extends HookConsumerWidget {
  @override
  Widget build(BuildContext context, WidgetRef ref) {
    TextEditingController _emailField = useTextEditingController();
    TextEditingController _passwordField = useTextEditingController();
    final viewModelProvider = ref.watch(viewModel);
    final double deviceHeight = MediaQuery.of(context).size.height;
    // final double categoryWidth = MediaQuery.of(context).size.width;
    return Scaffold(
      body: SingleChildScrollView(
        child: Column(
          mainAxisAlignment: MainAxisAlignment.center,
          crossAxisAlignment: CrossAxisAlignment.center,
          children: [
            SizedBox(height: deviceHeight / 5.5),
            Image.asset(
              'assets/illustration.png',
              fit: BoxFit.contain,
              width: 210.0,
            ),
            SizedBox(
              height: 30.0,
            ),
            //Email address
            SizedBox(
              width: 350.0,
              child: TextFormField(
                keyboardType: TextInputType.emailAddress,
                textAlign: TextAlign.center,
```

Gambar rajah 1.4: Proses pengekodan dalam *Android Studio*

## Langkah 4


Setelah selesai proses pengkodean dalam perisian *Android Studio*, pihak pengkaji menggunakan Perisian *Firebase*. Tekan ikon Android dalam perisian *Firebase* dan klik mula (*Setting*) untuk Prokek *Setting* dan pergi ke *Your App* di bawah mendapatkan id aplikasi untuk menjalankan pengkalan data (*Local Database*) dan melihat laman sesawang dalam komputer riba.



Gambar rajah 1.5: Panel kawalan *Firebase*

## Langkah 5


Setelah itu, salin id aplikasi dan tempal di tempat pengekodan tadi. Selepas itu *pilih build* > *Flutter* > *Build* APK untuk bina aplikasi telefon.



Gambar rajah 1.6: Kaedah pengekodan yang terakhir

## Langkah 6

Akhir sekali, setelah pengkodan yang terakhir maka produk yang telah siap dibina dan direalisasikan oleh pihak pengkaji. Dengan wujudnya aplikasi ini urusan mahasiswa untuk memohon bantuan akan menjadi lebih mudah dan selesa tanpa berurusan dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar serta dapat mengelakkan data pelajar terdedah kepada pihak lain.



Gambar rajah 1.6 Rajah menunjukkan produk telah siap

### 3.2.2 BAHAN DAN PERALATAN

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan sistem Aplikasi E-FUND seperti jadual di bawah:

Bil.	Bahan dan Peralatan	Fungsi
1.	Peralatan :  1. Komputer Riba  2. Internet	1. Berfungsi sebagai peralatan utama dalam penghasilan projek.  2. Digunapakai untuk mencari bahan-bahan maklumat yang berkaitan dengan projek.
2.	Pengaturcaraan : <i>Firestore</i>	<i>Firestore</i> adalah platform untuk pengaturcaraan untuk membina dan reka bentuk sesuatu sistem berdasarkan idea dan keperluan oleh pengguna.
3.	Rangka kerja dan bahasa pengaturcaraan : <i>Android Studio</i>	Segala pengaturcaraan , logik dan interaksi didalam sistem akan dibina menggunakan <i>Android Studio</i> .

### **3.2.3 KAEDAH ANALISIS DATA**

Kaedah analisis data ini dilakukan untuk mengenalpasti kaedah yang perlu dijalankan untuk mengumpul maklumat data tentang projek inovasi yang telah dijalankan. Kaedah analisis dilakukan adalah pengumpulan data kualitatif iaitu dalam bentuk penulisan serta pemerhatian. Pengumpulan data kualitatif adalah pengumpulan data dalam bentuk temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Menurut Taylor dan Bogdan (1984), data kualitatif yang berbentuk deskriptif berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang boleh diamati. Berdasarkan kaedah kualitatif yang dijalankan, segala maklumat berkaitan aplikasi yang diperolehi daripada responden adalah penting dan amat diberi perhatian kepada pengkaji bagi memudahkan dalam menjalankan projek inovasi tersebut.

### **3.3 RUMUSAN**

Kesimpulannya, bab ini lebih memberi fokus tentang reka bentuk, langkah-langkah dan kaedah yang digunakan untuk membangunkan aplikasi dan juga bahan dan peralatan keperluan untuk mewujudkan aplikasi ini. Pihak pengkaji telah berjaya untuk membangunkan sebuah aplikasi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak JHEP untuk mendapatkan data yang terkini dan lebih sistematik.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan menerangkan tentang analisis kewangan projek dan dapatan kajian dalam peringkat pertama dan kedua serta menerangkan tentang keberkesanan menghasilkan Aplikasi PSP E-Fund. Dalam bab ini juga, akan akan menjelaskan perbincangan mengenai kelebihan aplikasi kepada mahasiswa untuk memohon sebarang bantuan kewangan dan kekurangan aplikasi dan masalah-masalah yang dihadapi ketika membangunkan Aplikasi PSP E-Fund ini.

#### **4.2 DAPATAN KAJIAN**

Sehingga kini pihak JHEP masih menggunakan sistem SPMP untuk mengendalikan data peribadi pelajar. Ini mendapati sistem tersebut tidak dapat mengemaskini data pelajar dengan sistematik. Makna pihak JHEP hanya mendapat maklumat pelajar yang diisi pada awal pengajian. Hasil perbincangan dengan pihak JHEP, telah memilih penyelesaian terbaik untuk membina aplikasi dengan rangkaian data yang lebih baik. Pihak JHEP tersebut boleh menggunakan aplikasi tersebut untuk mendapatkan data yang terkini.



#### **4.2.1 DAPATAN KAJIAN PERINGKAT PERTAMA**

##### **a. Fasa 1 Inovasi Ditingkatkan**

Aplikasi PSP E-FUND merupakan aplikasi yang telah dibangunkan bagi membantu pihak JHEP dalam proses menghulurkan bantuan kepada pelajar . Inovasi yang dilakukan dalam pembangunan aplikasi PSP E-FUND ini ialah mempunyai rangkaian sistem yang kemas dan dapat menyediakan maklumat peribadi pelajar yang terkini . Pihak JHEP akan dapat data-data peribadi pelajar yang sentiasa dikemaskinikan dengan ini akan memudahkan pihak JHEP untuk menganalisis pelajar yang layak untuk menerima bantuan . Aplikasi ini juga mempunyai sistem untuk menyimpan maklumat pelajar yang teratur dan selamat untuk kegunaan pihak JHEP.

#### **4.2.2 DAPATAN KAJIAN PERINGKAT KEDUA**

##### **b. Fasa 2 Inovasi Pemurnian**

Semasa proses pembangunan aplikasi kami berasa bahawa reka bentuk aplikasi ini boleh dibuat improvisasi. Pihak pengkaji telah improvisasikan reka bentuk agar laman sesawang tersebut mudah digunakan dan juga nampak lebih menarik. Pada mulanya, aplikasi ini dibangunkan untuk digunakan hanya melalui komputer riba sahaja. Namun begitu, pihak pengkaji telah berusaha untuk membenarkan aplikasi ini dimuat turun di telefon pintar. Telefon pintar pada masa kini menjadi salah satu keperluan setiap pelajar, jadi ia boleh dimuat turun didalam telefon pintar pelajar. Melalui konsep mesra pengguna, aplikasi ini membuktikan ia mudah untuk diakses dimana-mana sahaja. Selain itu, pihak pengkaji telah menambah baik aplikasi dari segi warna, maklumat tambahan dan perhiasan dalaman aplikasi.

### 4.2.3 DAPATAN KEBERKESANAN APLIKASI E-FUND

Maklumat yang menyokong objektif projek ini diperolehi daripada pendedaran link melalui 'Google Form' mengandungi beberapa soalan yang berkaitan dengan projek ini kepada mahasiswa Politeknik Seberang Perai khususnya terdiri daripada keluarga yang susah atau anak yatim piatu.

Antara soalan yang ditanyakan melalui 'Google Form' tersebut adalah:


1. Apakah aplikasi PSP E-Fund ini mudah untuk digunakan?
2. Apakah anda rasa aplikasi PSP E-Fund ini membantu anda dalam memohon bantuan kewangan?
3. Adakah aplikasi ini merupakan satu inovasi dalam menyelesaikan masalah pelajar dalam memohon sebarang bantuan kewangan?
4. Adakah aplikasi ini mesra pengguna?
5. Adakah aplikasi ini dapat menjimatkan masa dan lebih sistematik dalam memohon bantuan kewangan?

Melalui pendedaran link 'Google Form' kami memperolehi sebanyak 32 responden. 90.6% iaitu 29 daripada responden tersebut setuju bahawa aplikasi Psp E-Fund ini mudah untuk digunakan. Selain itu, 29 responden juga menyatakan bahawa aplikasi ini dapat membantu mereka dalam memohon bantuan kewangan. Seterusnya, kami mendapat tahu bahawa aplikasi ini merupakan satu inovasi dalam menyelesaikan masalah mahasiswa dalam memohon sebarang bantuan kerana sebanyak 87.1% atau 27 responden menyetujui bahawa aplikasi ini dapat menyelesaikan masalah ini. Tambahan lagi, melalui pendapat responden terbuktinya bahawa aplikasi mesra pengguna kerana seramai 87.5% daripada responden terbukti menyetujuinya. Akhirnya, 25 responden setuju bahawa aplikasi ini dapat menjimatkan masa dan lebih sistematik dalam memohon bantuan kewangan.

**Di bawah menunjukkan Carta Pai daripada 32 orang responden:**

APAKAH APLIKASI PSP E-FUND INI MUDAH UNTUK DIGUNAKAN?


32 jawaban



Carta Pai 4.1

ADAKAH ANDA RASA APLIKASI PSP E-FUND INI MEMBANTU ANDA DALAM MEMOHON BANTUAN KEWANGAN?


32 jawaban



Carta Pai 4.2

ADAKAH APLIKASI INI MERUPAKAN SATU INOVASI DALAM MENYELESAIKAN MASALAH PELAJAR DALAM MEMOHON SEBARANG BANTUAN KEWANGAN?


31 jawaban



Carta Pai 4.3

ADAKAH APLIKASI INI MESRA PENGGUNA?


32 jawaban



Carta Pai 4.4

ADAKAH APLIKASI INI DAPAT MENJIMATKAN MASA DAN LEBIH SISTEMATIK DALAM MEMOHON BANTUAN KEWANGAN?

30 jawaban



Carta Pai 4.5

### **4.3 PERBINCANGAN (Kelebihan, Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)**

Antara kelebihan yang ada di dalam aplikasi PSP E-Fund ini ialah ia dapat melindungi data peribadi pelajar yang telah diisi melalui aplikasi ini. Dengan adanya sistem dalam aplikasi ini, ia dapat menjaga data data yang telah terkumpul untuk diberikan kepada unit JHEP. Oleh itu, pelajar lebih yakin dalam mengisi setiap maklumat diminta yang berkaitan dengan bantuan bantuan yang disediakan di unit JHEP. Berdasarkan pemerhatian dari pihak kami, kami dapati kaedah yang digunakan sebelum ini ia kurang sistematik dalam penjagaan dan perlindungan data data peribadi pelajar. Dari pihak kami, kami bahwasanya aplikasi ini mempunyai perlindungan data yang lebih selamat. Selain itu, kelebihan yang ada pada aplikasi ini ialah dapat menjimatkan masa unit JHEP untuk mendapatkan maklumat maklumat yang terkini dari pelajar Politeknik Seberang Perai. Hal ini dikatakan kerana, hasil perbincangan yang kami dapati semua pelajar Politeknik Seberang Perai mempunyai telefon bimbit yang digunakan setiap individu. Jadi, dengan adanya aplikasi di dalam telefon bimbit ia dapat memudahkan setiap pelajar untuk mengisi maklumat maklumat yang dikehendaki oleh unit JHEP. Seterusnya, aplikasi ini juga dapat membuka peluang kepada pelajar untuk memohon bantuan bantuan yang ada di JHEP. Pelajar tidak perlu lagi pergi JHEP untuk mengisi boring dan sebagainya untuk meminta bantuan yang ada di unit JHEP. Menurut Encik Helmi dari unit JHEP, masalah yang dihadapi segelintir pelajar mereka malu dan segan untuk ke JHEP meminta dan memohon bantuan yang disediakan. Oleh itu, dengan adanya aplikasi ini masalah yang ada pada segelintir pelajar dapat diselesaikan melalui aplikasi ini.

Berikutnya, kekurangan yang ada pada aplikasi PSP E-Fund ini ialah ia memerlukan kos yang tinggi dalam pelaksanaan aplikasi ini. Hal ini kerana kami tidak mempunyai kepakaran dalam menyediakan aplikasi tersebut. Oleh itu kami memerlukan kepakaran dari pihak luar untuk menyediakan aplikasi PSP E-Fund. Ini bermakna, penyediaan aplikasi ini mempunyai kos yang agak tinggi. Selain itu juga, kekurangan yang ada pada aplikasi ini ia memerlukan ruang memori untuk memuat naik ke dalam telefon bimbit.

Seterusnya, masalah yang dihadapi oleh pihak pengkaji dalam membangunkan produk ialah pihak pengkaji merupakan pelajar daripada jurusan Diploma Perbankan Dan Kewangan Islam. Dengan ini untuk pihak pengkaji membangunkan produk inovasi ini agak sukar kerana pihak pengkaji perlu belajar lebih mendalam tentang cara-cara pembangunan produk inovasi. Akhir sekali, untuk membangunkan produk ini juga memerlukan data atau internet yang lebih kuat bagi mempelajari dan menghasilkan pengekodan aplikasi.

#### **4.4 RUMUSAN**

Secara rumusannya, dalam bab keempat ini telah membicarakan mengenai analisis proyek aplikasi ini dan dapatan kajian. Analisis kajian ini telah diterangkan mengenai dapatan kajian pada peringkat pertama dan kedua dengan penjelasannya. Analisis dapatan kajian projek ini melibatkan analisis situasi ketika pemrosesan aplikasi. Oleh itu, analisis dapatan ini dihasilkan bagi mengenalpasti kelebihan dan kekurangan aplikasi yang kami jalankan iaitu Aplikasi PSP E-Fund. Selain itu, melalui hasil kajian dapatan Aplikasi PSP E-Fund yang telah dijalankan, aplikasi ini memberikan impak yang positif dengan dapat membantu mahasiswa yang memerlukan bantuan kewangan mudah untuk memohon tanpa perlu berjumpa atau bersemuka dengan pihak yang lain. Akhir sekali, kami juga telah mendapat banyak respon yang positif daripada responden dalam kalangan mahasiswa tentang penggunaan Aplikasi PSP E-Fund ini.



## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan projek yang telah diwujudkan iaitu Aplikasi Psp E-Fund. Bab ini merangkumi kesimpulan dan keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT ( Kekuatan, Kelemahan, Ancaman dan Peluang) bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Kajian ini juga mencadangkan sesuatu inovasi atau idea baharu berdasarkan dapatan kajian. Signifikan kajian dan implikasi terhadap bidang inovasi juga turut dinyatakan.

#### **5.2 KESIMPULAN**

Kesimpulan yang dapat diperolehi daripada penyedia aplikasi PSP e-fund ini adalah berdasarkan Analisis SWOT. Analisis SWOT memainkan peranan yang utama untuk mengenalpasti dalam penghasilan aplikasi terhadap sebarang cabaran dan kemungkinan. SWOT merupakan gabungan daripada perkataan *Strengths, Weaknesses, Opportunities* dan *Threats (SWOT)*. Dengan itu, ini merupakan cara untuk menganalisis faktor kekuatan,kelemahan,peluang dan ancaman terhadap aplikasi PSP e-fund yang dihasilkan.

##### **1. Kekuatan (*Strengths*)**

Kekuatan (*Strengths*) untuk aplikasi PSP e-fund ini dapat melindungi data peribadi pelajar dengan baik. Selain itu, aplikasi ini juga dapat membantu dengan membuka peluang kepada pelajar Politeknik Seberang Jaya untuk memohon bantuan yang disediakan oleh pihak JHEP. Perkara yang lebih penting yang berkaitan dengan aplikasi ini ialah ia dalam menjimatkan masa JHEP untuk mendapatkan sebarang maklumat terkini daripada pelajar melalui aplikasi ini.

## 2. Kelemahan (*Weakness*)

Kos yang tinggi untuk menyediakan aplikasi PSP e-fund merupakan kelemahan yang terdapat dalam analisis SWOT. Hal ini kerana untuk menyediakan aplikasi ia perlu mempunyai kepakaran orang luar untuk menghasilkan aplikasi ini. Selain itu juga, aplikasi ini juga memerlukan ruang memori yang besar untuk memuat turun aplikasi PSP E-Fund ini.

## 3. Peluang (*Opportunities*)

Aplikasi ini mempunyai kehendak teknologi pada masa kini. Hal ini kerana pada zaman kini semua pelajar mempunyai telefon bimbit untuk memuat naik aplikasi PSP E-Fund ini. Selain itu, aplikasi ini juga dapat menambah hasil pendapatan kewangan seseorang pelajar dalam dapat memohon bantuan bantuan yang disediakan.

## 4. Ancaman (*Threats*)

Ancaman yang dihadapi dalam aplikasi ini adalah dari segi masalah cyber. Oleh demikian, pihak kami sedaya upaya untuk menjaga dari masalah ini berlaku.

### 5.3 CADANGAN

Dengan adanya projek ini di Politeknik Seberang Perai, kami yakin bahawa aplikasi ini lebih memudahkan dan membantu lebih ramai mahasiswa untuk memohon bantuan kewangan. Antara mahasiswa yang layak menerima bantuan adalah mahasiswa yang terdiri dari golongan asnaf, miskin serta yatim piatu. Dengan adanya Aplikasi PSP E-Fund ini juga dapat membantu mahasiswa yang tidak tahu ataupun malu untuk memohon bantuan secara bersemuka. Oleh itu, kami percaya dan berharap aplikasi yang kami bangunkan ini akan lebih dipeluaskan lagi untuk mahasiswa. Walaupun aplikasi kami nampak biasa, tetapi ianya akan memberikan kesan yang lebih baik kepada mahasiswa. Matlamat projek yang kami hasilkan ini adalah untuk membantu mahasiswa daripada golongan asnaf, miskin dan yatim piatu tidak ketinggalan dalam sebarang permohonan bantuan kewangan yang akan diagihkan.

#### **Antara cadangan penambahbaikan adalah:**

- Menjadikan Aplikasi PSP E-Fund ini boleh digunakan tanpa menggunakan sebarang rangkaian internet. Hal ini akan lebih memudahkan lagi mahasiswa yang tinggal di kawasan pedalaman yang sukar untuk menggunakan rangkaian internet. Buat masa sekarang, aplikasi ini hanya boleh digunakan melalui rangkaian internet di telefon atau komputer.
- Membolehkan pengguna telefon pintar berjenama Iphone memasang Aplikasi PSP E-Fund di dalam Iphone. Hal ini kerana, aplikasi ini hanya berada di *Google Play* bagi Android sahaja buat masa sekarang.

## TOWS

<p>SO <i>(STRENGTHS/OPPORTUNITIES)</i></p>	<p>Aplikasi PSP E-Fund ini mampu untuk memudahkan mahasiswa untuk memohon sebarang bantuan kewangan dan mahasiswa tidak perlu bersusah payah pergi berjumpa bersemuka dengan mana-mana pihak untuk mohon bantuan. Mahasiswa hanya perlu membuka aplikasi dan mengisi butiran yang diminta sahaja.</p>
<p>ST <i>(STRENGTHS/THREATS)</i></p>	<p>PSP E-Fund ini juga dapat memberi kerjasama dengan pihak JHEP dan ketua kebajikan mahasiswa Politeknik Seberang Perai dan memudahkan urusan mencari dan menganalisis data mahasiswa untuk diberikan bantuan kewangan. Aplikasi ini juga membantu Pihak Pusat Zakat dalam pemberian zakat kepada mahasiswa yang memerlukan. Mahasiswa tidak perlu bersusah payah ke pusat zakat untuk mengisi borang permohonan zakat atau bantuan luar dan hanya mengisi dalam aplikasi kami sahaja.</p>
<p>WO <i>(WEAKNESS/OPPORTUNITIES)</i></p>	<p>Aplikasi PSP E-Fund tidak mempunyai reka bentuk dalaman yang menarik, akan tetapi aplikasi ini menjanjikan untuk membantu serta memudahkan mahasiswa memohon bantuan kewangan.</p>

<p style="text-align: center;">WT <i>(WEAKNESS/THREATS)</i></p>	<p>Aplikasi PSP E-Fund ini tidak mempunyai kualiti yang tinggi seperti aplikasi-aplikasi popular dan hebat yang terdapat di dalam <i>Play Store</i> kerana aplikasi mudah alih ini masih baru lagi di dalam <i>Play Store</i>.</p>
---	--

## 5.4 LIMITASI PROJEK

Projek yang dijalankan hanya berskopkan kepada mahasiswa PSP . Fokus utama projek ini hanya kepada asnaf dalam kalangan mahasiswa PSP. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa faktor yang membataskan pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh berkenaan dengan projek ini iaitu disebabkan oleh kurangnya ilmu pengetahuan pengkaji dalam bidang teknologi maklumat. Namun pengkaji tetap berusaha untuk belajar berkaitan ilmu teknologi maklumat bagi mengrealisasikan projek ini. . Seterusnya, kos yang agak tinggi juga merupakan penghalang bagi pengkaji untuk menjalankan kajian. Namun demikian, pengkaji menggunakan segala inisiatif yang ada untuk merealisasikan kajian ini bagi menjadikan sebuah inovasi yang dapat memudahkan urusan semua pihak. Antara pihak yang terlibat adalah JHEP dan mahasiswa PSP. Dari segi pihak JHEP dapat menjejaki golongan asnaf yang memerlukan bantuan kewangan melalui permohonan yang dibuat melalui web app tersebut. Mahasiswa PSP turut dapat memohon bantuan kewangan zakat melalui aplikasi ini dengan lebih mudah dan selesa. Pengkaji menjalankan/melaksanakan kajian ini ketika masih menuntut sebagai mahasiswa di Politeknik Seberang Perai (PSP) di semester 5 untuk menjayakan final year project sebelum menjejak kaki ke industri. Pengkaji mengalami kekangan dari segi masa kerana perlu memberi tumpuan pada kajian ini pada masa yang sama perlu selesaikan tugas -tugas subjek lain. Tambahan pula, bagi merealisasikan inovasi ini perlukan masa yang agak lama dalam membangunkan aplikasi PSP E-FUND.

## **5.5 RUMUSAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini merangkumi lima bab iaitu untuk bab yang pertama, ia membincangkan mengenai pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, justifikasi kajian, skop projek dan SWOT analisis. Bab yang seterusnya iaitu bab yang kedua menerangkan tentang kaedah penyelidikan berdasarkan aplikasi yang dibangunkan. Bab yang ketiga pula membincangkan mengenai analisis situasi yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan analisis dapatan kajian kedua. Seterusnya bab keempat ialah analisis kewangan untuk projek yang dihasilkan, diikuti dengan impak laman sesawang dan diakhiri dengan aspek pengkomersialan. Untuk bab yang terakhir iaitu bab kelima merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek dan cadangan serta penambahbaikan yang dilakukan oleh pengkaji.

## RUJUKAN

### Jurnal

1. Muhammad Rizal Bin Jalil, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad (2017) LOKALISASI UNIT ZAKAT INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEBAGAI MODEL ONE STOP CENTER AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN. Vol. 10, No. 1
2. Razizi Tarmuji, Nor Alhana Abd Malik, Abdul Kadir Roseline & Samsuddin Mohd Amin (2022), Agihan Zakat Oleh UiTM Cawangan Sabah: Suatu Sorotan.

### Laman web

- <https://www.facebook.com/MOHEOfficial/posts/pfbid02KqTaAx9Kfg4PGGnHhGjwjKD5LVcb2Z6bfqyD4ZuSSrTfvadacA5qmZARezUSSWDI>  
YB Dato' Seri Idris Jusoh (2016) , Dana Tabung Kebajikan bagi membantu pelajar.
- <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/kenyataan-media/kebajikan-pelajar-sentiasa-menjadi-keutamaan>  
YB Dato' Seri Idris Jusoh (2016) , Kebajikan Pelajar Sentiasa Menjadi Keutamaan.
- [https://www.researchgate.net/profile/Ahmad-Fkrudin-Mohamed-Yusoff/publication/327233730\\_KEBOLEHGUNAAN\\_APLIKASI\\_MUDAH\\_ALIH\\_MOBILE\\_APPS\\_BAGI\\_KURSUS\\_SAINS\\_TEKNOLOGI\\_DAN\\_KEJURUTERAAN\\_DALAM\\_ISLAM\\_M-ISTech\\_DI\\_POLITEKNIK\\_MALAYSIA/links/5c6cd399a6fdcc404ebef7ea/KEBOLEHGUNAAN-APLIKASI-MUDAH-ALIH-MOBILE-APPS-BAGI-KURSUS-SAINS-TEKNOLOGI-DAN-KEJURUTERAAN-DALAM-ISLAM-M-ISTech-DI-POLITEKNIK-MALAYSIA.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Ahmad-Fkrudin-Mohamed-Yusoff/publication/327233730_KEBOLEHGUNAAN_APLIKASI_MUDAH_ALIH_MOBILE_APPS_BAGI_KURSUS_SAINS_TEKNOLOGI_DAN_KEJURUTERAAN_DALAM_ISLAM_M-ISTech_DI_POLITEKNIK_MALAYSIA/links/5c6cd399a6fdcc404ebef7ea/KEBOLEHGUNAAN-APLIKASI-MUDAH-ALIH-MOBILE-APPS-BAGI-KURSUS-SAINS-TEKNOLOGI-DAN-KEJURUTERAAN-DALAM-ISLAM-M-ISTech-DI-POLITEKNIK-MALAYSIA.pdf)  
Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff dan Ammar Badruddin Romli (2018),  
KEBOLEHGUNAAN APLIKASI MUDAH ALIH (MOBILE APPS) BAGI  
KURSUS SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN DALAM ISLAM



**(M-ISTECH) DI POLITEKNIK MALAYSIA**

- [https://www.astroawani.com/berita-malaysia/geran-adiguru-rm30000-berjaya-diku  
mpul-bantu-pelajar-b40-304141](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/geran-adiguru-rm30000-berjaya-diku<br/>mpul-bantu-pelajar-b40-304141)

Eton Khir (2021), Inisiatif Projek Khas Geran Adiguru bagi membantu murid dan pelajar dalam kumpulan B40 di seluruh negara.

# LAMPIRAN



GANTT CHART  
DPB50163 BUSINESS PROJECT  
SESSION 1 2022/2023

CONTENT	DATE/WEEK															
	15/08-21/08	22/08-22/08	29/08-04/09	05/09-11/09	12/09-18/09	19/09-25/09	26/09-02/10	03/10-09/10	10/10-16/10	17/10-23/10	24/10-30/10	31/10-06/11	07/11-13/11	14/11-20/11	21/11-27/11	28/11-04/12
	W1	W2	W3	W4	W5	W6	W7	W8	W9		W10	W11	W12	W13	W14	
<b>1.0 INTRODUCTION TO BUSINESS PROJECT</b>																
Introduction to types of project which can be implemented in the business field	R					P					M				V	F
Formation of groups	E					R					I				I	I
Prepare the supplementary materials	G					O					D				V	N
<b>2.0 PROJECT SELECTION AND PLANNING</b>	I					P									A	A
Propose a suitable topic for the project	S					O					S					L
Produce new innovation for business product/services	T					S					E				P	
Prepare elements of situational analysis	R					A					M				R	S
<b>3.0 PRESENTATION OF PROJECT PROPOSAL</b>	A					L					E				E	U
Develop the title of project, introduction, business problems or issues, objective, justification of project selection & scope of project	T										S				S	B
Explain the contents of project proposal	I										T				A	M
Construct a Gantt chart (time frame)	O										E				N	I
Apply the writing format	N										R				T	S
<b>4.0 PROJECT IMPLEMENTATION</b>															A	S
Accomplish Business Project within the time frame							P				B				T	I
Describe the project over view	W						R				R				I	O
Identify problems/ issues of business.	E						E				E				O	N
Conduct situational analysis:SWOT/PEST/SC's/Porter 5 Forces analysis or any other methods.	E						S				A				N	
Recognize background and current business situation.	K						A				K					
Conduct data analysis and interpretation.							N									
Write recommendations and suggestions to address the issues.							T									
<b>5.0 BUSINESS PROJECT REPORT</b>							A									
Identify the requirements to produce a complete report							T									
Prepare a report based on the given business project format							I									
State the description of the project							O									
State the findings and results.							N									
Summarise the project results.																
Recommend suitable suggestions and solutions to address the business issue.																
Create data visualisation to present the results																
Organize drawings, sketches, graphs, calculations and other supporting data or documents.																
List the references used in producing the report.																
<b>6.0 BUSINESS PROJECT PRESENTATION</b>																
Demonstrate a capacity to communicate project results through oral presentation using multimedia audio visual aids.																
Demonstrate a capacity to communicate project result																
Create effective visual aids to enhance presentation																
Demonstrate effective application of multimedia audio visual aids																
Show the viability of the proposed solutions to address the business issue																

PREPARED BY

Dr. ROHANI BINTI M.M YUSOFF  
22/8/2022

APPROVED BY

WAN NOR ASNIZA BINTI ARSHAD

WAN NOR ASNIZA BINTI ARSHAD  
Ketua Program  
Jabatan Perdagangan  
Diploma Pengajian Perniagaan  
Politeknik Seberang Perai  
Pulau Pinang

22/8/2022